

# KEUNIKAN DIORAMA MUHIBAH MALAYSIA

Teks: Muhamad Hakimi Abd Rani

Foo Loke Kee memiliki pelbagai koleksi seni menarik yang menonjolkan keunikan kebudayaan masyarakat Malaysia. Beliau berbesar hati untuk berkongsi koleksi seni peribadi beliau kepada masyarakat dalam pameran Malaysia Muhibah yang diadakan di Muzium Negara. Pameran tersebut diadakan untuk memaparkan suasana keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum. Pameran tersebut mempunyai keistimewaan tersendiri kerana buat pertama kalinya kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia digambarkan melalui himpunan koleksi patung doh dalam bentuk diorama yang menarik. Pameran tersebut merupakan anjuran bersama Muzium Negara dengan WCO Holding Sdn. Bhd. sebagai suatu kerjasama pintar antara agensi kerajaan dengan swasta.

Pameran tersebut memaparkan suasana cara hidup dan kebudayaan setiap negeri di Malaysia hasil koleksi patung doh diorama Foo Loke Kee. Detik permulaan teretusnya minat beliau terhadap kesenian kebudayaan apabila melawat Ekspo Dunia yang berlangsung di Shanghai pada tahun 2010. Ekspo tersebut mempamerkan koleksi lukisan dan animasi berasaskan Dinasti

Faktor utama Foo Loke Kee memilih subjek etnik Malaysia kerana terdapat sebahagian masyarakat China bertanyakan kepada beliau tentang etnik Malaysia semasa menyertai pameran di China.

Song. Bermula dari situlah teretusnya idea untuk menghasilkan diorama secara tiga dimensi. Beliau memulakan projek diorama Malaysia selepas pulang daripada pameran antarabangsa yang diadakan di Taiwan pada tahun 2014.

Faktor utama Foo Loke Kee memilih subjek etnik Malaysia kerana terdapat sebahagian masyarakat China bertanyakan kepada beliau tentang etnik Malaysia semasa menyertai pameran



Koleksi rumah tradisional yang terdapat di setiap negeri dan dibuat menggunakan kaedah tanggam.

di China. Oleh sebab itu, beliau bertekad untuk menghasilkan diorama etnik Malaysia untuk memaparkan keunikan etnik Malaysia kepada masyarakat luar. Beliau juga mendapat bimbingan dan sokongan daripada bekas Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Profesor Datuk Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa untuk menghasilkan diorama etnik dan kebudayaan Malaysia.

Foo Loke Kee menjelaskan bahawa diorama yang dihasilkan menggunakan teknik kraf tangan dan mengambil masa selama satu setengah tahun untuk menyiapkannya. Foo Loke Kee mengundang beberapa orang artis seni untuk membantu beliau menghasilkan diorama tersebut. Satu daripada seorang artis



Koleksi wau yang dikumpul oleh Foo Loke Kee.

tersebut ialah Mad Zain. Artis veteran ini memiliki kemahiran menghasilkan rumah tradisional setiap negeri di Malaysia dengan menggunakan teknik tanggam. Teknik tanggam merupakan satu teknik seni halus untuk membuat rumah pada masa dahulu. Teknik ini semakin dilupakan dan hampir pupus kerana generasi muda pada masa ini tidak mengetahui dan menguasai kemahiran seni tersebut. Tambahan pula, usia Mad Zain sudah menjangkau 66 tahun dan beliau mahu mencari pelapis untuk mewarisi seni tanggam.

Rumah tradisional yang dihasilkan oleh beliau sangat halus dan cantik kerana teknik tanggam ini tidak menggunakan sebarang gam atau pun paku. Setiap rumah tradisional yang



Foo Loke Kee menunjukkan lukisan corak batik yang dihasilkan oleh bekas Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Profesor Datuk Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa.




Koleksi diorama yang memaparkan kebudayaan etnik di Sarawak.

dihasilkan mempunyai identiti dan keunikan tersendiri yang melambangkan asal usul rumah tersebut. Antara ciri-ciri binaan yang membezakan setiap rumah tradisional di Malaysia termasuklah binaan bumbung, bilangan tiang dan binaan tingkap. Oleh hal yang demikian, masyarakat dapat mengecam dengan mudah asal usul rumah tradisional tersebut apabila


**Foo Loke Kee menjelaskan bahawa diorama yang dihasilkan menggunakan teknik kraf tangan dan mengambil masa selama satu setengah tahun untuk menyiapkannya. Foo Loke Kee mengundang beberapa orang artis seni untuk membantu beliau menghasilkan diorama tersebut. Satu daripada seorang artis tersebut ialah Mad Zain.**

melihat setiap perbezaan ciri-ciri yang terdapat pada binaan ini. Proses pembuatan rumah tradisional bermula dengan lakaran rumah secara tiga dimensi yang dilakukan oleh arkitek. Selepas meneliti lakaran tersebut, barulah Mad Zain membuat rumah tersebut dengan menggunakan teknik tanggam.

Selain itu, Foo Loke Kee turut mengundang artis seni lain yang mempunyai kemahiran menghasilkan wau bagi setiap negeri di Malaysia. Beliau pernah membawa wau untuk dipamerkan di pameran antarabangsa di China. Antara wau unik yang dipamerkan di sana ialah Wau Helang, Wau Bulan, Wau Jala Budi dan sebagainya. Wau Helang mendapat perhatian dalam



Koleksi diorama yang memaparkan kebudayaan dan cara hidup masyarakat Melayu.



Koleksi patung doh yang memaparkan pakaian dan tarian tradisional masyarakat Melayu di Kelantan.

kalangan masyarakat China kerana memiliki bentuk dan ciri-ciri yang unik. Selain itu, beliau turut menghasilkan cenderamata berupa wau untuk diberikan kepada pengunjung luar sebagai tanda kenangan dan promosi kebudayaan Malaysia.

Foo Loke Kee juga menonjolkan kebudayaan setiap etnik di Malaysia, terutamanya yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Beliau menghasilkan koleksi patung doh diorama yang menggambarkan pakaian tradisi etnik, tarian kebudayaan dan



Koleksi patung doh yang memaparkan pakaian dan tarian tradisional masyarakat Melayu.

alatan muzik. Koleksi patung doh tersebut dipadankan dengan rumah tradisional etnik tersebut. Patung doh diorama ini dihasilkan dengan menggunakan campuran tanah liat. Setelah patung doh tersebut siap dibentuk, artis seni akan melukis dan mewarnakan patung tersebut dengan busana tradisi, tarian kebudayaan dan alat muzik supaya pengunjung dapat melihat dengan lebih dekat.



Kebudayaan masyarakat Malaysia dapat dilihat pada koleksi diorama milik Foo Loke Kee.

Tempoh masa yang diambil untuk menghasilkan satu-satu patung doh ini mengambil masa selama sebulan. Sebelum penghasilan rumah tradisional dan patung doh tersebut, mereka akan membuat kajian terlebih dahulu untuk memastikan diorama yang dihasilkan menepati ciri-ciri etnik tersebut. Penghasilan patung doh tersebut memerlukan daya kreativiti yang tinggi daripada artis untuk memastikan patung doh ini mempunyai perincian yang tepat. Selain itu, Foo Loke Kee bercadang untuk menghasilkan buku yang menghimpunkan semua maklumat tentang kepelbagaian etnik di Malaysia. Beliau kini sedang mengumpulkan maklumat yang lengkap sebelum menerbitkan buku tersebut yang akan diberikan secara percuma kepada pihak kedutaan atau agensi pelancongan antarabangsa untuk mempromosikan kebudayaan dan kesenian Malaysia.

Foo Loke Kee menyatakan bahawa diorama tersebut dihasilkan bertujuan untuk menggambarkan kepelbagaian kebudayaan Malaysia, khususnya kepada pelancong luar negara. Bagi beliau, Malaysia merupakan negara yang bertuah kerana masyarakat majmuk dapat hidup secara harmoni dan sentiasa bersatu padu tanpa mengira etnik. Oleh sebab itu, beliau berharap agar masyarakat dan pelancong luar dapat mengenali dengan lebih dekat tentang kebudayaan dan cara hidup etnik di Malaysia. Para pembaca yang berminat untuk menyaksikan pameran ini boleh berkunjung ke Muzium Negara untuk melawat Pameran Malaysia Muhibah bermula dari 16 Jun 2020 hingga 31 Julai 2020. Pasti kunjungan anda tidak akan mengecewakan. 